

20 JUL 1999

Citibank-Sekolah

CITIBANK MENDERMA MAKMAL PINTAR KEPADA SEKOLAH

ALOR SETAR, 20 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Makmal Bestari Citibank di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma.

Dr Mahathir menerima sumbangan RM700,000 daripada Ketua Pegawai Eksekutif Citibank Bhd Robert D. Matthews bagi pihak sekolah untuk membina dua makmal komputer multimedia yang lengkap dan siap dengan Internet serta menaikkan taraf dan melengkapkan perpustakaan sekolah itu yang mempunyai 1,100 pelajar.

Tajaan itu, di bawah Program Pendidikan Alam Siber Citibank dibuat untuk membolehkan sekolah-sekolah menjalankan pendidikan berasaskan komputer dan juga untuk melayakkan diri sebagai Sekolah Bestari.

SMK Sultanah Asma, yang diasaskan 75 tahun lepas disenaraikan sebagai sekolah perempuan terbaik di Kedah dan antara lima sekolah terbaik di Malaysia kerana pencapaian akademiknya.

Robert Matthews pula dalam ucapannya berkata, the Program Pendidikan Alam Siber Citibank diwujudkan untuk menyediakan sekolah-sekolah terpilih dengan kemudahan komputer bagi membolehkan guru-guru dan pelajar menyertai pendidikan teknologi maklumat dan alam siber.

Menurut beliau lagi, Citibank Bhd menyokong wawasan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Oleh kerana pendidikan adalah strategi penting dalam mencapai Wawasan 2020, Citibank telah memberi komitmen untuk menyediakan generasi muda rakyat Malaysia menghadapi peralihan ke ekonomi berdasarkan maklumat, katanya.

"Guru dan penuntut disediakan dengan perkakas seperti Makmal Bestari untuk mencapai ini, Citibank dengan kerjasama Kementerian Pendidikan menunjukkan komitmennya bagi generasi masa kini dan akan datang dan juga dalam usaha menjadikan Malaysia pemimpin dalam teknologi tinggi.

Turut hadir ialah Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid.

-- BERNAMA

MZM PR